

2

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
DENGAN KERJASAMA  
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU  
PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2000**

**TINGKATAN: SATU / DUA / EMPAT**

**JAWAPAN: SOALAN OBJEKTIF DAN SKEMA JAWAPAN**

<b>KOD MATA PELAJARAN :</b>	<b>1103/2</b>
<b>MATA PELAJARAN :</b>	<b>BAHASA MELAYU 1</b>
<b>KERTAS :</b>	<b>II</b>

*Jawapn objektif*

<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>	<i>No. Soalan</i>	<i>Jawapan</i>
1.		17.		33.		49.		65.	
2.		18.		34.		50.		66.	
3.		19.		35.		51.		67.	
4.		20.		36.		52.		68.	
5.		21.		37.		53.		69.	
6.		22.		38.		54.		70.	
7.		23.		39.		55.		71.	
8.		24.		40.		56.		72.	
9.		25.		41.		57.		73.	
10.		26.		42.		58.		74.	
11.		27.		43.		59.		75.	
12.		28.		44.		60.		76.	
13.		29.		45.		61.		77.	
14.		30.		46.		62.		78.	
15.		31.		47.		63.		79.	
16.		32.		48.		64.		80.	

## Peraturan Pemarkahan

Markah penuh Bahasa Melayu Kertas Dua ialah 100 markah

### Soalan I

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- (a) Isi - 20 markah  
(b) Bahasa - 10 markah

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota**

- (i) Panduan mengira perkataan
  - nama khas
  - perkataan berulang
  - penggunaan kata depan
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kiru dan tandakan jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan/Pengenalan											2
(ii) Isi Tersurat	1	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	2	
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
<b>Jumlah Maksimum</b>											<b>20</b>

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada ½ markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut :

Paringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	19 – 20	9 – 10	— Kesenambungan isi baik — Struktur ayat tatabahasa masih baik
	15 – 17	7 – 9	— Kosa kata luas — Tanda baca ejaan juga baik
Sederhana	12 – 14	6 – 7	Kesenambungan isi masih baik
	8 – 11	4 – 6	— Struktur ayat tatabahasa masih memuaskan — Kosa kata masih memuaskan — Tanda baca ejaan juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	— Pada keseluruhan dalam kekurangan tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan antara 100 – 120, berikan 0 markah.

[ Markah Bahasa, maksimum : 10 markah ]

## Skema Jawapan Soalan 1

### Pendahuluan

Petikan membincangkan punca-punca berlakunya gengsterisme dan langkah-langkah mengatasinya. (2 m)

### Isi Tersurat (1 isi = 2 markah)

- 1 Sekolah yang mempunyai kapasiti pelajar yang tinggi terdedah kepada gangsterisme.
- 2 Kewujudan kongsi-kongsi gelap di perkampungan baharu mendedahkan pelajar kepada gangsterisme.
- 3 Keadaan rumah yang sempit / rumah pangsa menyebabkan pelajar sering keluar rumah.
- 4 Ibu bapa yang terlalu sibuk kurang memberi perhatian terhadap anak-anak.
- 5 Pencapaian akademik yang lemah menyebabkan mereka bertindak demikian.
- 6 Pelajar terpengaruh dengan unsur-unsur negatif daripada media massa.
- 7 Sesetengah pelajar memang suka melanggar undang-undang.

### Isi Tersirat (1 isi = 2 markah)

- 1 Pertambahan penduduk menyebabkan kapasiti pelajar di sekolah bertambah.
- 2 Kegiatan kongsi gelap di perkampungan baharu wujud sejak dahulu / masih berleluasa.
- 3 Ketidakmampuan rakyat memiliki rumah yang selesa menyebabkan mereka tinggal di rumah yang sempit / rumah pangsa.
- 4 Ibu bapa kini berlumba-lumba untuk memenuhi matlamat hidup mereka.
- 5 Kurangnya minat untuk belajar menjejaskan pencapaian akademik pelajar.
- 6 Media massa boleh didapati dengan mudah / banyak di pasaran / terdapat di rumah.
- 7 Pelajar tertentu berasa seronok / mendapat kepuasan apabila melakukan kesalahan.

### Kesimpulan

Masalah gangsterisme perlu diatasi demi melahirkan generasi yang berguna kepada bangsa dan negara. (2 m)

Semua pihak perlu bekerjasama menangani gangsterisme di kalangan pelajar demi menjaga imej negara. (2 m)

Skema jawapan (Soalan 2)

- (a) (i) institusi pengajian tinggi / universiti  
(ii) ketinggalan / belum maju  
(iii) hutan larangan / kawasan hutan yang tidak boleh diambil

(b)

- i. ....anak kaum asli [1m]  
....anak murid cikgu Jo [1m]  
....pelajar yang pintar [1m]  
....pelajar yang enggan meneruskan persekolahannya [1m]

(pilih mana-mana 2 jawapan)

- ....seluruh hutan belantara adalah milik kaumnya sejak dahulu [1m]  
....mereka akan memperoleh makanan dari hutan itu [1m]

(maksimum : 4 markah)

- ii. ....pandai berhujah ketika mempertahankan pendiriannya tentang konsep kemiskinan. [2m]  
....mendakwa hutan, danau dan tanah adalah milik kaumnya sejak dahulu lagi. [2m]  
.... antara pelajar yang terbaik dalam peperiksaan PMR [2m]

(Maksimum 4 markah)

- iii. Maksud:  
...jika melakukan sesuatu mestilah secara bersungguh-sungguh sehingga mencapai kejayaan [2m]  
Sebab:  
....Daneng enggan bersekolah tetapi Jo akan terus memujuknya sehingga berjaya dan memastikan Daneng akan menurut kehendaknya. [2m]

- iv. ....diancam kegiatan pembalakan yang berluasa / secara haram [1m]

...banyak flora dan fauna di kawasan hutan simpan yang telah musnah

[1m]

...agar Daneng menjadi pegawai perhutanan yang dapat menyelamatkan kawasan hutan

[1m]

...menjadi saintis untuk mencipta sesuatu yang dapat menggantikan kayu supaya hutan selamat daripada pembalakan.

[1m]

- v. ...Desakan cikgu Jo yang berterusan [2m]  
...hendak mencari ilmu supaya dapat melindungi hutan kesayangan dengan lebih sistematik dan berkesan [2m]  
...supaya mendapat jawatan yang baik dan berkuasa untuk melindungi hutan itu. [2m]

(Maksimum : 6 markah)

Skema jawapan [Soalan 3 (a)]

- (i) ....tempat yang sangat tinggi [2m]  
....seseorang yang teralu tua [2m]
- (ii) ....angin bertiup kencang [1m]  
....kedudukan puncak gunung itu sangat tinggi [1m]  
....terdengar akan buluh perindu yang sangat merdu [1m]  
....tumbuhan pandai berkata-kata [1m]
- (iii) .Maksud peribahasa 'sudah bersedia untuk mendapat sesuatu hasil yang belum diperoleh'. [2m]  
Sindirannya Tuan Puteri Gunung Ledang sendiri belum ditemui tetapi sultan Mahmud sudah hendak meminangnya. [2m]
- (iii) ....seorang yang taat, *buktinya*...melaksanakan suruhan sultan Melaka walaupun mengalami pelbagai kesusahan. [2m]
- ...kuat / gagah, *buktinya*...berupaya mendaki sehingga ke puncak gunung Ledang, sedangkan Laksamana dan Sang Setia tidak mampu berbuat demikian. [2m]
- ...berani, *buktinya*...pergi meminang Puteri Gunung Ledang yang tinggal di puncak Gunung. [2m]

(Maksimum: 4 markah)

- (iv) ...nasihat  
meminta sultan membatalkan rancangan untuk meminang Puteri Gunung Ledang / menolak syarat-syarat yang dikenakan Oleh Tuan Puteri Gunung Ledang [2m]
- ....alasan  
Sultan terpaksa mengeluarkan belanja yang terlalu banyak Untuk membina jambatan emas dan perak [2m]  
Terlalu sukar untuk mengumpul tujuh dulang hati nyamuk Dan tujuh dulang hati kuman [2m]  
Nyawa raja dan raja Ahmad akan terancam jika diambil darahnya Sebanyak semangkuk [2m]

[maksimum: 6 markah]

**Skema Jawapan Soalan 3b (Sajak)**

i. Maksud

- tika gerimis menabur benih* - semasa hujan mulai turun (2m)  
*ketidaksabaran membengkok* - diselubungi perasaan tidak sabar / tidak memiliki nilai kesabaran (2 m)

ii. Keadaan jalan raya pada waktu senja

- dibasahi hujan gerimis / hujan renyai-renyai
- terlalu sibuk
- penduduk kota mula membanjirinya / semakin ramai yang menggunakannya (1 isi = 1 markah; terima mana-mana 2 isi)

iii. Etika pengguna jalan raya menurut penyajak

- mereka tidak memiliki budi yang luhur
- mementingkan hawa nafsu
- tidak bersopan-santun
- memandu kenderaan dengan laju (1 isi = 1 markah;
- hilangnya nilai-nilai kemanusiaan (terima mana-mana 4 isi)

iv. Sekiranya berada di jalan raya:

perasaan	alasan
marah / geram	- tidak dihormati oleh pengguna jalan raya yang lain - ketenangan diganggu oleh pengguna yang tidak bertanggungjawab
kesal / sedih / bimbang	- nilai kemanusiaan tidak lagi menjadi pegangan hidup - budaya sopan-santun yang menjadi kebanggaan kita semakin terhakis

(penyataan perasaan = 1 m; alasan = 1 m) (sila terima jawapan lain sekiranya relevan)

iv. "kemanusiaan semakin mandul" bermaksud perasaan kemanusiaan yang semakin berkurang. (2m)  
 Sebabnya ialah:

- manusia mementingkan diri sendiri
- kurang didikan agama/ moral
- terpengaruh dengan budaya barat
- pengaruh media massa
- ketidakberkesanan kempen-kempen yang dijalankan

(terima mana-mana 2 isi dan terima juga isi-isi lain yang relevan)

Soalan.4

Markah penuh 20 dibahagikan kepada :

- (a) Membina ayat
- (b) Menggabungkan ayat

a) Membina ayat [12 markah]

Nota bagi cerian (a)

1. Berikan 3 ( $1\frac{1}{2} + 1\frac{1}{2}$ ) markah bagi setiap pasangan ayat yang betul.
2. Jika membina dua ayat, satu daripada ayat itu salah, berikan  $1\frac{1}{2}$  markah bagi ayat yang betul.
3. Jika membina satu ayat, berikan 1 markah.
4. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah atas kesalahan ejaan/jalan bahasa/isi tidak begitu jelas.
5. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
6. Perkataan itu digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
7. Ayat yang dibina tidak logik/tidak menunjukkan pemahamannya, berikan 0 markah.
8. Sengaja tinggalkan imbuhan berikan 0 markah.

b) Menggabungkan ayat [8 markah]

Semua jenis ayat diterima asalkan mencukupi tiga ayat dan mempunyai isi yang lengkap dan betul. Susunan dan maksud asal ayat mesti terpelihara. Pemberian markah secara *impression* berdasarkan panduan di bawah.

Paringkat	Markah	Ciri-ciri
Baik	7 - 8	— 3 ayat — isi lengkap dan betul — jalinan ayat baik — susunan dan maksud ayat terpelihara
Sederhana	4 - 6	— 3 ayat — isi kurang / tertinggal — jalinan ayat masih baik — terdapat sedikit rombakan dalam susunan ayat dan maksud ayat
Lemah	1 - 3	— 3 ayat — isi terlalu kurang / banyak yang tertinggal — jalinan ayat tidak betul — susunan dan maksud asal ayat tidak terpelihara sama sekali
	0	— kurang atau lebih daripada 3 ayat

Contoh Jawapan.

(a) Membina ayat

(i) menarik

- Seutas tali yang panjang digunakan untuk menarik budak yang terjatuh di dalam perigi itu.
- Malaysia mempunyai pusat-pusat peranginan yang terkenal dan menarik

(ii) Mengupas

- Orang tua itu dapat mengupas seratus biji kelapa sehari.
- Pengkritik-pengkritik sastra tempatan telah mengupas masalah yang dihadapi oleh penulis tempatan.

(iii) memotong

- Siti memotong daging itu dengan sebilah pisau yang tajam.
- Pengguna jalan raya dilarang memotong di selekoh-selekoh yang bahaya.

(iv) merotan

- Guru disiplin sekolah kami sering merotan pelajar-pelajar yang sengaja melanggar peraturan sekolah.
- Pak Tahir mencari nafkah dengan melakukan pekerjaan merotan di hutan itu.

(b) Menggabungkan ayat.

- (i) Memang tidak ada sesiapa pun yang dapat menafikan bahawa sektor perindustrian Malaysia telah mengalami pertumbuhan pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.
- (ii) Sektor ini telah berkembang baik ekoran daripada pelbagai faktor yang saling menyokong antara satu sama lain, sama ada melalui peranan pihak swasta ataupun kerajaan.
- (iii) Hasil usaha kerajaan menyediakan iklim pelaburan yang baik melalui galakan fiskal dan bukan fiskal serta kemudahan prasarana telah memberi peluang kepada pihak swasta melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan pembuatan.